

RETORIN POWDER FOR SUSPENSION

ERYTHROMYCIN ETHYL SUCCINATE SUSPENSION 125mg/5ml

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Retorin
2. Bagaimana Retorin Berfungsi
3. Sebelum mengambil Retorin
4. Cara menggunakan Retorin
5. Semasa menggunakan Retorin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini

Apakah kegunaan Retorin

- Jangkitan pada Saluran Pernafasan.
- Jangkitan pada Kulit dan Tisu Lembut.
- Jangkitan pada mata/Telinga.
- Jangkitan di mulut.
- Jangkitan Gastro-usus.
- Jangkitan lain:
Gonorea, sifilis, uretritis, Diphtheria, Pertusis.

Bagaimana Retorin Berfungsi

digunakan untuk merawat jangkitan bakteria.

Sebelum menggunakan Retorin

Bila tidak boleh menggunakan

Tidak boleh digunakan pada pesakit yang mempunyai alahan kepada ubat ini.

Sebelum menggunakan

Beritahu doktor jika anda mempunyai masalah hati, hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusukan.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Ubat yang boleh mengganggu Retorin seperti:

- terfenadine atau mizolastine (untuk merawat alahan)
- domperidone (digunakan untuk merawat loya dan muntah)

- pimoziide, amisulpride, (digunakan untuk merawat masalah mental)
- ergotamin atau dihydroergotamine (untuk migrain)
- cisapride (untuk gangguan pada bahagian perut)
- statin (digunakan untuk membantu menurunkan paras kolesterol cth simvastatin)
- Tolterodine (untuk rawatan kerap membuang air kecil)

Doktor atau ahli farmasi anda mungkin mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa mengambil ubat ini.

Cara menggunakan Retorin

Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan Kanak-kanak melebihi 8 Tahun: Untuk jangkitan ringan kepada sederhana 2 g diberikan setiap hari dalam dos yang dibahagikan, dan sehingga 4 g diberikan setiap hari untuk jangkitan yang teruk; 250-500 mg setiap 6 jam atau 0.5-1 g setiap 12 jam.

Kanak-kanak Berumur 2 hingga 8 Tahun:

Untuk jangkitan ringan kepada sederhana 1 g diberikan setiap hari dalam dos yang dibahagikan; 250 mg setiap 6 jam atau 30 mg/kg/hari diberikan dalam dos yang dibahagikan.

Untuk jangkitan yang teruk 50 mg/kg/hari diberikan dalam dos yang dibahagikan.

Bayi dan Kanak-kanak sehingga 2 Tahun:

Untuk jangkitan ringan kepada sederhana, 500 mg diberikan setiap hari dalam dos yang dibahagikan; 125 mg setiap 6 jam atau 30 mg/kg/hari dalam dos yang dibahagikan.

Untuk jangkitan yang teruk ,50 mg/kg/hari diberikan dalam dos yang dibahagikan.

Bila perlu digunakan

Patuhi nasihat doktor

Berapa lama perlu digunakan

Patuhi nasihat doktor

Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal dengan segera ,jika hampir dengan dos seterusnya,tinggalkan dos yang tertinggal dan teruskan dengan dos berikutnya.Jangan ambil lebih daripada dos yang dibenarkan

Jika menggunakannya secara

berlebihan(terlebih dos)

Dapatkan bantuan perubatan secepat mungkin jika anda mengambil retorin secara berlebihan.

Semasa menggunakan Retorin

Perkara yang perlu dilakukan

Ikut nasihat doktor

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Behenti mengambil,tanpa nasihat doktor Memberikan ubat berkenaan kepada orang lain yang mengalami masalah sama

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jika anda mempunyai masalah hati.
- Jika anda mempunyai masalah pergigian.
- Apabila digunakan bersama terfenadine.
- Semasa kehamilan

Kesan-kesan Sampingan

Seperti ubat lain,Retorin boleh menyebabkan kesan sampingan,walaupun bukan semua orang mendapatnya.Antarannya ialah loya, muntah dan cirit-birit

Retorin boleh menyebabkan alahan yang teruk dan tindak balas kulit yang serius. Berhenti menggunakan Retorin dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom berikut: kulit kemerahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata

RETORIN POWDER FOR SUSPENSION

ERYTHROMYCIN ETHYL SUCCINATE SUSPENSION 125mg/5ml

Jika kanak-kanak muntah atau meghadapi masalah untuk makan/ menyusu , hubungi doktor dengan segera kerana ia mungkin disebabkan oleh Infantile Hypertrophic Pyloric Stenosis (IHPS).

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Retorin Penyimpanan

Sebelum dilarutkan : Simpan di tempat yang sejuk di bawah 30°C dalam bekas bertutup dan terlindung daripada haba dan cahaya.

Selepas dilarutkan : Disimpan pada suhu 2-8°C. Larutan hendaklah digunakan dalam masa 7 hari. Buang larutan berkenaan jika melebihi daripada 7 hari.

Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui air bungan atau buangan isirumah.Langkah-langkah ini akan membantu melindungi persekitaran

Maklumat lanjut

Rupa/bentuk

Serbuk yang seakan-akan merah jambu dan menjadi larutan berwarna merah jambu setelah dibancuh semula dengan air.

Bahan-bahan Kandungan

Bahan aktif yang digunakan ialah Erythromycin Ethyl Succinate .

Bahan-bahan bukan aktif yang digunakan ialah American ice cream soda,sodium phoshhate dbasic,xanthum gum,aerocil 200,tween 80,caster sugar,sodium citrate,ponceau 4R lake,corn starch,veegum,vanilla flavor,sodium benzoate,sodium saccharin.

No.MAL:

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran

Produk

SM PHARMACEUTICALS

SDN.BHD(218620-M)

Lot 88,Sungai Petani Industrial Estate

08000,Sungai Petani

Kedah Darul Aman,Malaysia

Tarikh Kemaskini:04.09.2023

Nombor Siri:

NPRA (R2) 22/196.